



**1. PENOLONG PENAKSIR KANAN  
JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Pengurusan Tanah atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Tanah sebagai Penolong Penaksir dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4 / D.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mahir dan berkebolehan dalam perkara-perkara berikut:-

- i) Kerja-kerja pengukuran dan pemetaan.
- ii) Menyukat dan menilai bangunan-bangunan dan tanah.
- iii) Mengira keluasan-keluasan dan memahami peta / pelan.
- iv) Menyediakan taksiran dan menulis laporan-laporan.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENAKSIR KANAN:**

1. Membantu Pegawai Penaksir Tanah dan Ketua Penolong Penaksir dalam kerja-kerja pemeriksaan dan membuat penilaian bagi permohonan-permohonan pengambilan balik tanah, harga khas tanah (*premium*), menyediakan taksiran bagi memudahkan pinjaman Kerajaan untuk membina rumah, '*wayleave agreement*' dan membuat taksiran bagi cukai setem dan cukai pesaka.
2. Membantu Ketua Penolong Penaksir dalam urusan pentadbiran dan pengurusan kakitangan unit penaksiran Jabatan Tanah.